



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 31 RABU 3 OGOS, 1966 1386 رابو 15 ربيع الاخر PERCHUMA

PENANAMAN MODAL DI-NEGERI2 COMMONWEALTH :

BRUNEI DAPAT HAMPIR2 \$45 JUTA WANG FAEDAH

BANDAR BRUNEI:— Negeri Brunei telah menanam modal yang berjumlah \$921,875,272.71 di-24 buah negeri Commonwealth dengan mendapat faedah sa-jumlah \$44,883,806.84 pada tahun 1965.

MEMPEROLEHI DEGREE LL.B.



AWANG MOHAMMAD ALI
BIN DAUD, LL.B.

Awang Mohammad Ali bin Daud telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari England pada tengah hari kelemarin sa-lepas ia tamat belajar di-sana dengan memperolehi Degree Undang2 (LL.B.) dari Universiti Birmingham. Gambar ini di-ambil di-Lapangan Terbang Brunei pada masa Awang Mohammad Ali balek ka-Tanah Ayer.

3 ORANG WADAR BALEK SA-LEPAS BERLATEH DI-TAIPING

BERAKAS. — Tiga orang wadar penjara Jerudong telah kembali katanah ayer dengan kapal terbang pada 26 Julai, 1966 sa-lepas mengambil latehan di-Taiping. Perak sa-lama 3 bulan.

Mereka itu ia-lah Awang Jaidin bin Jambul, Ak. Metussin bin Pengiran Haji Momon dan Ak. Timbang bin Pengiran Haji Tajuddin.

Ini telah di-nyatakan oleh Kerajaan bagi menjawab soalan2 bertulis yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar, sa-orang ahli yang di-pilih bagi kawasan Seria, dalam persidangan Majlis Mashuarat Negeri yang di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei kelemarin.

Negara2 yang di-tanami modal itu termasuk-lah United Kingdom yang berjumlah sabanyak \$690,944,295.49; Malaya \$142,375,753.89; Sarawak sa-jumlah \$19,999,996.00 dan Sabah \$14,659,396.31.

Kerajaan juga telah menyatakan bahawa penanaman2 modal telah ada di-Australia dan New Zealand dan baharu2 ini langkah2 ada-lah sedang di-ambil untuk mendapatkan penanaman modal di-Amerika Sharikat.

Sa-bagai menjawab satu soalan bertulis yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof mengenai rancangan Rumah Murah, Kerajaan menyatakan bahawa sa-buah jawatankuasa telah pun di-lantek untuk menjalankan penyiataan berkenaan dengan rancangan tersebut.

Yang Berhormat Awang R. D. Ross telah menimbulkan soalan mengenai kelambatan kerja2 bagi memodenkan Tambatan Bandar Brunei walaupun peruntukkan wang telah di-buat pada tahun lalu.

Kerajaan menjelaskan bahawa Jurutera Penasehat telah pun membuat penyelidikan bagi memperbaiki dan memodenkan Tambatan Bandar Brunei dan laporan ini akan di-kaji apabila di-terima nanti.

Yang Berhormat Awang R. D. Ross juga menimbulkan soalan mengenai rancangan Pembinaan Pelabuhan Muara sama ada rancangan ini maseh berjalan atau sa-balek-nya.

Jawapan Kerajaan menjelaskan bahawa jurutera2 penasehat yang di-lantek untuk menasehatkan mengenai rancangan ini telah mengemukakan sokongan2 muktamat mereka yang sekarang sedang di-

bawah pemereksaan rapi oleh jabatan2 Kerajaan yang berkenaan.

Tiga rang Undang2 Pindaan telah juga di-luluskan dalam persidangan kelemarin.

Dua daripada rang undang2 itu telah di-kemukakan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Setia Awang Idris Talog Davies dan satu lagi oleh Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Setia Awang John Lee.

Yang Berhormat Dato Setia Aw. John Lee telah menhadangkan rang undang2 mengenai Undang2 Kumpulan Wang Yang di-Satukan (pindaan kepada bayaran2 yang di-kenakan), 1966.

Ketika mengemukakan pindaan rang undang2 itu, Dato Setia Aw. John Lee menyatakan bahawa rang undang2 itu ada-lah bertujuan untuk meminda undang2 bertulis yang berkaitan dengan bayaran2 yang di-kenakan ka-atas pemegang2 jawatan2 Juru Odit Negara, Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam dan Pengerusi Surohanjaya Pilihan Raya.

Juru Odit Negara akan mendapat kenaikan gaji dari \$2,000 kepada \$2,250; Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam \$2,250 kepada \$2,500; dan Pengerusi Surohanjaya Pilihan Raya dari \$1,250 kepada \$1,350 sa-bulan.

Kenaikan itu ada-lah sa-imbang dengan tingkatan gaji pegawai2 Kerajaan yang telah di-baharu2 berikutan dengan satu laporan daripada Sir Richard Ramage.

Yang Berhormat Dato Setia Awang Idris Talog Davies telah mengemukakan Undang2 Pasokan Pulis (pindaan), 1966 dan Undang2 (pindaan) Peratoran Jenayah 1966.

Ketika mengemukakan pindaan Undang2 Pasokan Pulis, 1966 Dato Setia Awang Idris menjelaskan bahawa rang undang2 tersebut adalah di-maksudkan untuk memansuhkan hukuman2 yang tidak di-lakukan lagi.

Mengikut pindaan2 itu anggota pulis yang melanggar tata tertib akan di-kenakan hukuman amaran keras atau buang kerja.

Mengemukakan pindaan Undang2 Peratoran Jenayah, 1966 Dato Setia Awang Idris menegaskan bahawa dalam undang2 yang ada sekarang ini, pulis tidak berkuasa menangkap anggota2 tentera yang lari dari pasokan-nya dengan tiada berwaran.

Pindaan itu, kata-nya, ada-lah bermaksud untuk memberi kuasa2 yang di-kehendaki kepada pulis supaya anggota2 yang lari dari angkatan bersenjata negara ini boleh di-tangkap dengan tidak payah menggunakan waran.

(Lihat Muka 8)

**Y.T.M. SERI PADUKA
DULI PENGIRAN
MUDA MAHKOTA
BERANGKAT TIBA
DI-BRUNEI DARI
LONDON PADA PAGI
HARI INI**



BANDAR BRUNEI.— Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah akan berangkat tiba di-Brunei dari London dengan kapal terbang melalui Hong Kong pada hari ini.

Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pentadbir Brunei ada-lah di-minta supaya berada di-Lapangan Terbang Brunei pada pukul 10.15 pagi hari ini untuk mengalu2kan ketibaan Baginda.

Pakaian Seragam tidak di-kehendaki.

PAMIRAN URUSAN RUMAH TANGGA KELAS2 DEWASA

BANDAR BRUNEI. — Satu Pamiran Urusan Rumah Tangga di-bawah anjoran Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa Urusan Rumah Tangga akan diadakan di-Dewan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada hari Ahad 28 Ogos dan hari Isnin 29 Ogos.

Tujuan di-adakan Pamiran Urusan Rumah Tangga itu ialah untuk menggalakkan kepada kaum wanita di-negeri ini bagi mempelajari hal tersebut dan memperlihatkan serba jenis pelajaran yang telah di-dapati oleh pelajar2 itu selama mereka belajar di-Kelas2 Dewasa Urusan Rumah Tangga.

Pamiran yang akan di-pamirkan itu, ia-lah hasil usaha pelajar2 Kelas2 Dewasa Urusan Rumah Tangga di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait.

Barang2 yang akan di-pamirkan itu ada-lah seperti berikut:

(A) PEKERJAAN TANGAN:

1. *Rinda:*
 1. Tas tangan (hand bag)
 2. Alas Meja
 3. Chadar tilam
 4. Sarong bantal
 5. Baju bersulam rinda
 6. Tempat alas bunga
2. *Di-perbuat daripada Benang bulu (Wool)*
 1. 1 Set pakaian
 2. Stokin
 3. Topi
 4. Baju
 5. Tas tangan (hand bag)
 6. Tudong

Lawatan Rombongan Doktor Yang Menggunakan Helikopter Ka-Kawasan2 Pendalaman

BANDAR BRUNEI. — Rombongan Doktor yang menggunakan helikopter akan melawat ka-beberapa tempat di-kawasan2 pendalaman untuk mengubati orang2 dewasa dan kanak2 yang sakit; ibu2 yang mengandung dan sa-bagai-nya pada tarikh2 yang di-sebutkan di-bawah ini:

Pada jam 8 pagi hari Rabu 3 Ogos rombongan tersebut akan melawat ka-Badas dan Kampong Bukit Sawat di-Ulu Belait.

Pada jam 8 pagi hari Sabtu 6 Ogos rombongan itu akan melawat ka-Labu Estate di-Daerah Temburong untuk mengubati penduduk2 dari Kampong2 Piasau2, Senukoh, Paraday dan Labu Estate.

Pada hari Isnin 8 Ogos pula rombongan Doktor yang menggunakan helikopter itu akan melawat ka-Lumapas dan Putat. Rombongan itu akan berada di-Lumapas pada jam 8 pagi dan di-Putat pada jam 2-30 petang.

Penghulu atau Ketua Kampong yang berkenaan ada-lah di-minta mengumpolkan penduduk2 kampong masing2 yang sakit dan ibu2 yang mengandung sa-belum waktu ketibaan rombongan tersebut di-kampong tersebut.

Berhubung dengan lawatan Rombongan Doktor yang menggunakan helikopter itu, Pegawai Perubatan Negara sangat-lah berbesar hati sakra-nya satu tempat di-kedai atau sekolah di-kampong yang akan di-lawati itu akan dapat di-jadikan sa-bagai klinik sementara.

Jadual Lawatan Rombongan Penyuntek Ubat Kolera

BANDAR BRUNEI — Jadual lawatan Rombongan Penyuntek Ubat Kolera pada hari Khamis 4 Ogos, hari Isnin 8 Ogos dan hari Selasa 9 Ogos ada-lah seperti berikut:

HARI KHAMIS 4 OGOS:

(a) Kampong Kiudang. (b) Kampong Bakiau. (c) Kampong Pad-nunok. (d) Kampong Lamunin dan (e) Kampong Menengah.

HARI ISNIN 8 OGOS:

(a) Kampong Bukit Sulang. (b) Kampong Danau. (c) Kampong Penyatang. (d) Kampong Tumpuan Telisai dan (e) Kampong Keramat.

HARI SELASA 9 OGOS:

(a) Kampong Tumpuan Telisai. (b) Kampong Telamba. (c) Kampong Bukit Pasir (d) Kampong Bukit Beruang dan (e) Kampong Bukit Udal.

Lawatan Rombongan Penyuntek Ubat Kolera itu adalah bertempat di-Rumah Ketua Kampong yang berkenaan mulai pada jam 9 pagi tiap2 hari tersebut.

3. *Sulam daripada tangan:*

1. Kain meja
2. Tea set
3. Sarong bantal
4. Kosin (Cushion)
5. Tas tangan (hand bag)
6. Sapu tangan
7. Berjenis2 smoking

4. *Sulam daripada Misin:*

1. Kain meja
2. Sarong bantal
3. Chadar
4. Alas tempat bunga
5. Alas dulang
6. Sapu tangan
7. Kebaya bandong bersulam
8. Kain Tudong
9. Kosin (Cushion)
10. Gaun
11. Tabir

5. *Anyaman daripada pandan:*

1. Tas tangan (hand bag)
2. Tikar
3. Bakul
4. Tudong dulang
5. Alas gelas
6. Topi

6. *Anyaman daripada Repia dan Manik:*

1. Tas tangan (hand bag)
2. Topi
3. Bakul perhiasan
4. Berjenis2 alas
5. Berjenis2 baju
6. Tabir
7. Alas kaki
8. Kotak
9. Tas manik (hand bag)

7. *Perhiasan bunga2an:*

- (a) *Jambangan bunga:* Mengubah bunga hidup
- (b) *Berjenis2 bunga:*
 1. Bunga kertas
 2. Bunga baldu
 3. Bunga kain
 4. Bunga berang
 5. Bunga satin
 6. Bunga nelon
 7. Bunga kapas
 8. Bunga Plastik
 9. Bunga Raffia

(B) MASAKAN2:

1. *Kueh-kueh:*

- (a)
 1. Berjenis2 roti (Biskut)
 2. Berjenis2 Kik
 3. Berjenis2 Puding
 4. Berjenis2 Agar2
 5. Berjenis2 Goreng
 6. Berjenis2 Aising Kik (Kik Berbunga)
- (b)
 1. Pulut panggang
 2. Pulut inti
 3. Naga sari
 4. Belabat Ubi
 5. Lambang sari
 6. Panganan talam
 7. Puteri mandi
 8. Bingka
 9. Berjenis2 kukus
 10. Kueh keria
 11. Kueh jungkut (otak lembu)
 12. Penyaram
 13. Lemang

2. *Masakan daripada daging:*

- (a)
 1. Kurma
 2. Dalcha
 3. Kari daging
 4. Pindang daging
 5. Berjenis2 soup laging
- (b)
 1. Rendang daging
 2. Bifstik daging
 3. Smoor daging
 4. Serunding daging
 5. Pagidil daging
 6. Dinding daging (lalap)
3. *Masakan Ikan:*
 - (a)
 1. Kari ikan
 2. Pindang ikan Sumetra
 3. Kurutup ikan
 4. Ikan masak lemak
 - (b)
 1. Ikan goreng lada
 2. Kerutup ikan goreng
 3. Ikan goreng kichap
 4. Kukus ikan
 5. Perchik ikan
 6. Pais ikan (botak)
 7. Ikan panggang (salai)
 8. Ikan bakar (tunu)

4. *Achar:*

1. Achar Timun
2. Achar Limau
3. Achar Betik
4. Achar Rebong
5. Achar Ikan
6. Achar Kobes
7. Achar daging
8. Achar Lobak

5. *Masakan daripada sayur:*

1. Terong goreng lada
2. Sayor kacang masak lodek
3. Taugeh
4. Kachang bonchis masak torky
5. Pachri terong
6. Pachri nanas

6. *Sambal:*

1. Sambal goreng daging
2. Sambal udang
3. Sambal ikan asin
4. Sambal timun
5. Sambal hati
6. Sambal goreng tempe

7. *Masakan daripada ayam:*

1. Kari ayam
2. Kurma ayam
3. Goreng ayam
4. Panggang ayam
5. Pindang ayam
6. Ayam chabut tulang
7. Rose ayam

8. *Nasi:*

1. Nasi Lemak
2. Nasi Beriani
3. Nasi Minyak
4. Nasi Kebuli
5. Nasi Kuning
6. Nasi Dali
7. Nasi Torky
8. Nasi Sa'adiah
9. Nasi Tomato
10. Nasi Burma

9. *Halua:*

1. Halua buah limau
2. Halua Rambutan
3. Halua Betik
4. Halua Lada
5. Halua Nanas
6. Halua Tepung Suji
7. Halua Kentang

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU - BAHASA RASMI NEGARA

SAMBUTAN MAULUD DI-KERIAM

KERIAM — Penduduk2 di-Kampung Keriam, Tutong telah mengadakan satu majlis perjumpaan bagi menyambut Maulud Nabi Mohamed s.a.w., di-Dewan Baru Sekolah Melayu Keriam pada petang hari Juma'at 29 Julai, 1966.

Di-antara tujuan2 di-adakan sambutan itu ia-lah untuk memberikan peluang kepada kaum ibu dan lain2-nya di-Kampung Keriam yang telah tidak dapat hadir di-temasha Sambutan Maulud Nabi s.a.w., di-Pekan Tutong pada pertengahan bulan Julai yang lalu.

Majlis itu di-mulai dengan Baca'an Al-Koran oleh Da-yang Mastura binte Masri dan di-turuti dengan Uchapan Aluan oleh Pengerusi Majlis Sambutan tersebut, Chegu Abdul Wahab bin Mohamed, Guru Besar, Sekolah Melayu Keriam.

Satu Sharahan Khas yang amat berharga bagi memper-ingati kelahiran Junjongan Besar kita Nabi Mohamed s.a.w., telah di-lafadzkan oleh Al-Ustadz Ahmad Sonhadji bin Mohamed, dari Sekolah Mene-nghah Arab Hassanal Bolkiaah, Brunei.

Murid2 dari Sekolah Melayu Keriam telah juga memper-sembahkan Nashid di-majlis tersebut di-bawah pimpinan Pengawas Nashid Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Al-Ustadz Abdul Kadir bin Awang.

Sa-bagai menghargai ter-hadap kesudian Al-Ustadz Sonhadji Mohamed menghadhiri majlis tersebut dan juga melafadzkan Sharahan Khas di-majlis itu, maka Pengerusi Majlis, Chegu Abdul Wahab bin Mohamed, bagi pehak Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan dan penduduk2 Kampung Keriam telah menghadiahkan sa-buah Chenderamata kepada

Al-Ustadz Ahmad Sonhadji Mohamed di-majlis tersebut.

Majlis itu di-akhiri dengan Bacaan Do'a Selamat oleh Imam Masjid Keriam, Awang

Ahmad bin Jumat.

Kemudian para hadhirin di-jemput ka-Sekolah Melayu Keriam untuk menikmati jamuan ringan.

Pada sa-belah malam hari tersebut, satu pertunjukkan Wayang Gambar Jabaan Hal Ehwal Ugama Brunei, telah di-adakan di-Dewan Persatuan Melayu Keriam.

SAMBUTAN MAULUD DI-BENKURONG

KAMPONG BENKURONG. — Ramai para jemputan dan penduduk2 Kampong Bengkurong serta kampong2 yang berhampiran telah hadir di-majlis Sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., di-bawah anjoran penduduk2 kampong itu di-halaman Sekolah Melayu Bengkurong pada pagi hari Juma'at 29 Julai yang lalu.

Kemunchak dari sambutan tersebut ia-lah satu Sharahan Khas oleh Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Seruddin.

Sa-lain daripada memberikan sharahan berkenaan dengan riwayat hidup Junjongan Besar kita Nabi Mohamed s.a.w., Awang Haji Mohamed Zain telah memberikan berbagai2 nasihat yang berfaedah terhadap ibu-bapa dan penjaga kanak2 berkenaan dengan pendidikan anak2 mereka.

Awang Haji Mohamed Zain juga telah memberikan penerangan berkenaan dengan usaha2 yang di-laksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei mengenai kemajuan Pelajaran Ugama Islam di-negeri ini.

Awang Sahari bin Idris telah memberikan ucapan di-majlis tersebut selaku Wakil penduduk2 Gabungan Empat Kampong Bersatu, ia-itu Kampong2 Telanai, Mediwa, Tasek

Meradun dan Bengkurong.

Majlis sambutan tersebut di-mulai dengan Bacaan Al-Koran oleh Awang Gafar bin Ghani.

Kemudian Pengerusi Jawatan Kuasa Sambutan itu, Chegu Jumat bin Tudin, Guru Besar, Sekolah Melayu Bengkurong telah berucap.

Turut juga memberikan ucapan ia-lah Setia Usaha Sambutan itu, Chegu Adanan Md. Yassin, Guru Besar Sekolah Ugama Bengkurong.

Awang Anuar bin Md. Yusof dan rakan2-nya telah mempersembahkan Selawat Pujian2 Kelahiran Nabi Mohamed s.a.w., di-majlis itu.

Majlis itu di-akhiri dengan Do'a Selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Haji Md. Yusof bin Pehin Seri Wangsa Awang Haji Mohamed.

Sa-lepas itu sekalian yang hadir telah menghadhiri jamuan makan di-Sekolah Melayu Bengkurong.

Majlis Diskusi

Anjoran B.B.D.K.M.

Maktab Sultan

Omar Ali Saifuddin

BANDAR BRUNEI. — Seksi Bahasa dan Kesusasteraan, Badan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei akan mengadakan satu "MAJLIS DISKUSI" pada julong2 kali-nya bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada jam 2-30 petang hari Ahad 7 Ogos, 1966.

Projek ini ia-lah sa-bagai melaksanakan chita2 badan Bahasa dan Kesusasteraan itu dalam Undang2 Badan tersebut, ia-itu "Berusaha mengadakan forum, diskusi, sharahan2 yang khusus mengenai Bahasa dan Kesusasteraan Melayu".

Buku yang akan di-bicharakan itu ia-lah "Warna Suasana", ia-itu sa-buah ANTOLOJI SAJAK hasil karya Masuri S.N., yang sekarang ini menjadi sa-buah buku pelajaran pelajar2 yang akan memasoki Peperiksaan Sijil Seberang Laut bagi tahun 1966/1967.

Buku tersebut akan di-bicharakan oleh Awang Mahmud Bakyr dari Dewan Bahasa dan Pusaka, Brunei.

Seluruh pelajar Tanah Ayer dari Sekolah2 Menengah Melayu dan Ingeris, terutama sekali chalon2 yang akan memasoki peperiksaan S.S.L. serta peminat2-nya ada-lah di-jemput hadir ka-majlis tersebut.

BERLATEH DI-MANILA

BERAKAS. — Dua orang Pegawai2 Kehutanan, Awang Sulaiman bin Ahai dan Awang Hafneh Salleh telah berlepas ka-Manila dengan kapal terbang baru2 ini untuk berlateh mengenai hal ehwal kehutanan di-Maktab Kehutanan Universiti Manila sa-lama empat tahun hingga memperoleh Degree B.Sc. (Kehutanan).

Perlawanan Bola Sepak di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Jadual Perlawanan Bola Sepak League anjoran League Bola Sepak Amateur Daerah Belait pada hari Sabtu 6 Ogos, hari Selasa 9 Ogos dan hari Sabtu 13 Ogos ada-lah saperti di-bawah ini:

6 OGOS

- (a) Pasokan 2/6 Gurkha Rifles melawan Klab Dayak Shell di-Padang Marina. Pengadil—Pengiran Besar.
- (b) Jabatan Kerja Raya "A" melawan Pulis Di-Raja di-Padang Kuala Belait Recreation Club. Pengadil—Awang Salleh.
- (c) Pasokan Bekas Penuntut Sekolah Saint Michael melawan Maktab Anthony Abell, Seria di-Padang Arena. Pengadil—Awang Ibrahim.
- (d) Klab Dayak Shell melawan Klab Melayu Shell "B" di-Padang Shell Recreation

Club, Seria. Pengadil—Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar.

9 OGOS

- (a) Pasokan Bekas Penuntut Sekolah Saint Michael melawan Jabatan Kerja Raya "B" di-Padang Arena. Pengadil—A. K. M. Salim.
- (b) Klab Melayu Shell "A" melawan Pasokan 2/6 Gurkha Rifles di-Padang Shell Recreation Club, Seria. Pengadil—Awang R. G. Clark.
- (c) Kuala Belait Recreation Club melawan Jabatan Kerja Raya "A" di-Padang Kuala Belait Recreation Club. Pengadil—Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar.

13 OGOS

- (a) Klab Melayu Shell "A" melawan Pasokan Bekas Penuntut Sekolah Saint Michael di-Padang Arena.

Pengadil—Awang R. G. Clark.


- (b) Pasokan 2/6 Gurkha Rifles melawan Panaga Club di-Padang Panaga. Pengadil—Pengiran Besar.



Awang Sulaiman bin Ahai



Awang Hafneh Salleh



Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Yang Berhormat Awang Mohammad Taib bin Awang Besar kelihatan dalam gambar yang bersejarah ini merasmikan pembukaan bangunan baru Sekolah Melayu Awang Haji Md. Yussof, Kati Mahar, pada 29 Julai, 1966.



Gambar ini di-ambil pada masa perayaan Tangan murid2 Sekolah Melayu Awang Haji Md. Yussof, Kati Mahar, pada pembukaan rasminya.

PERANAN BELIA2 DI-SELUROH BRUNEI MERUPAKAN KESEDARAN YANG DAINAMIK

PERANAN yang di-permainkan oleh belia2 di-seluruh Tanah Ayer, melalui Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei sebagai pusat geliga-nya, ada-lah satu perkara yang merupakan kesedaran yang dainamik dan patut mendapat kepujian.

Antara gerakan2 yang telah di-lancharkan oleh Majlis itu termasuk-lah galakkan dalam bidang soka, pelajaran dan perekonomian yang mana galakan yang akhir ini telah pun mendapat kepujian baru2 ini dari pehak Gerakan Belia seluruh Dunia.

Dari segi kehidupan antara bangsa, seperti negara2 lain, belia2 seluruh Tanah Ayer dan masharakat negara Brunei Darul-Salam keseluruhannya boleh berbangga bahawa Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei juga akan mengambil tempat-nya bersama2 dengan perwakilan2 negara2 lain di-Persidangan anjoran Pertubuhan Belia Sa-Dunia yang akan di-adakan di-Tokyo dalam bulan Ogos ini dan di-hadziri oleh belia2 dari seluruh dunia.

Ketegasan Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei ini ada-lah sa-imbang dengan keada'an masa dan kandungan penduduk negara, yang mana lebeh 60% daripada penduduk2 negeri ini ada-lah terdiri dari mereka yang berumor dalam lingkungan belia. Kapada pemimpin2 Majlis ini dan ketua2 kesatuan2 di-seluruh negeri, di-ucapkan tahniah yang sa-tinggi2-nya.

Dalam pada itu perlu di-ingatkan bahawa kechergasan belia2 di-negeri ini, tegas-na Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei jangan-lah di-sifatkan sa-bagai usaha yang akhir kerana ini bukan-lah matalamat yang di-tuju.

Sifatkan-lah kejaya'an yang terdapat itu sa-bagai permula'an kejaya'an yang sa-mesti-nya di-anggap sa-bagai galakkan bagi kemajuan2 yang akan datang.

Dengan ini di-harap pehak belia keseluruhannya akan terus bergerak. Bagi mereka yang belum bergerak akan mula sedar dan ikut sama dalam mempermainkan peranan belia dengan berdasarkan amalan2 yang sehat dan yang tidak bertentangan dengan ajaran Allah Subahanu Wata'ala.

KESAH REBAH BANGUNAN SEKOLAH MELAYU AWANG HAJI MD. YUSSOF, KATI MAHAR

PADA 22 Julai, 1966 bersama dengan hari Juma'at, Bangunan baru Sekolah Melayu Awang Haji Md. Yussof, Kati Mahar telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Awang Md. Taib bin Awang Besar.

Dengan itu tampak jelas-lah di-wajah murid2 di-sekolah itu betapa gembira-nya mereka mempunyai sa-buah bangunan yang begitu indah dan tegoh dan mereka tidak akan takut lagi kemungkinan bangunan itu akan roboh di-tiup angin seperti yang pernah terjadi katatas bangunan yang lama.

Bangunan sekolah dan bangunan rumah2 untuk guru yang dibena itu tentu-nya memakan belanja yang banyak ia-itu di-taksir lebeh dari \$100,000. Tetapi semua itu bukan-lah menjadi satu perkara yang penting. Apa yang di-pentingkan oleh Kerajaan ia-lah untuk memberi sa-boleh2-nya ilmu pengetahuan di-kalangan ra'ayat negeri ini.

PEKERJAAN BERGOTONG ROYONG

Menurut chatetan Jabatan Pelajaran Negara Brunei bahawa bangunan pertama Sekolah Melayu Awang Haji Md. Yussof telah didirikan dalam tahun 1959. Bangunan sementara itu telah di-diri-

kan oleh orang2 kampung di-Kati Mahar dengan chara bergotong royong di-samping bantuan wang dari Kerajaan sa-jumlah \$400.

Tanah yang menjadi tapak bangunan itu di-punyai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Md. Salleh pada 14 September, 1959. Sekolah itu memulakan tugas-nya untuk membekalkan ilmu pengetahuan pada bulan Januari, 1959 yang waktu itu murid2-nya hanya sa-ramai 40 orang, yang di-bawah pengawasan guru besar-nya, Awang Abu Bakar bin Salleh.


Bangunan sementara itu di-buka dengan rasmi-nya oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Md. Salleh pada 14 September, 1959. Sekolah itu memulakan tugas-nya untuk membekalkan ilmu pengetahuan pada bulan Januari, 1959 yang waktu itu murid2-nya hanya sa-ramai 40 orang, yang di-bawah pengawasan guru besar-nya, Awang Abu Bakar bin Salleh.

29 Julai, 1962, bersamaan hari Ahad, pada pukul 1-20 petang dengan tiupan angin yang begitu kenchang di-sertai dengan hujan yang begitu lebat, maka tersungkur-lah bangunan itu menyembah bumi.

Sementara menanti bangunan baru (sementara) siap di-dirikan, murid2 di-sekolah itu terpaksa berchuti. Tetapi sa-belum itu chadangan telah di-buat supaya murid2 itu belajar di-bawah rumah guru dan berkhemah. Chadangan itu telah di-tolak oleh orang2 kampung.



menyaksikan pertunjukan Lukisan dan Pengerusi. Pengerusi Md. Yussof sa-lepas sa-adakan upacara pembukaan sekolah itu.



Sa-lepas merasmikan pembukaan bangunan baru Sekolah Melayu Awang Haji Md. Yussof, Kati Mahar, Yang Berhormat Awang Mohammad Taib pun menanam sa-buah pohon rambutan di-kawasan sekolah tersebut.

NYA HAJI AR

BANTUAN KAMPONG

mpoh empat hari sahaja. baru sementara itu ber- a dengan bantuan kerja orang2 kampung yang nat anak2 mereka ber- tahuan. Maka itu ber- mbali sekolah itu sa-telah up angin.


tahun 1964 timbul-lah Kerajaan untuk men- -buah bangunan kekal h itu yang di-sertai de- h2 guru dan kawasan2

ab tapak untuk bangun- i, maka sekolah semen- paksa di-roboh lagi dan balek di-belakang ba- ng lama.

mendirikan bangunan ini, berbagai2 kesulitan dapi termasuk-lah bagi tanah dan menimbus ang tidak rata untuk satu kawasan yang baik unan sekolah.

al tahun 1966 kelihatan- naan bangunan itu di- sa-hingga siap. Murid2 sekarang ini di-sekolah sa-ramai kurang satu 100 bawah jagaan sa-orang r-nya Che'gu Jali bin

Besar Sekolah Melayu haji Md. Yusuf, Kati dari sejak tahun 1959 lan Ogos, 1965 ia-lah ang Abu Bakar bin Md.



Murid2 Sekolah Melayu Awang Haji Md. Yussof, Kati Mahar kelihatan belajar di-sa-buah pondok sa-lepas bangunan se- mentara sekolah mereka runtuh di-sebabkan hujan yang lebat dan angin yang kencang.



Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas di-langsungkan upacara pembukaan rasmi bangunan baru Sekolah Melayu Awang Haji Md. Yussof, Kati Mahar, oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Awang Mohammad Taib pada 29 Ju- lai, 1966.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

PENTERJEMAH INGGERIS/MELAYU DAN JURU TRENGKAS INGGERIS DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei:—

1. PENTERJEMAH INGGERIS/MELAYU.

Kelayakan2:

Chalon2 mesti-lah dari bangsa Melayu, telah lulus Overseas School Certificate, dan lulus sekurang2-nya Darjah VI Sekolah Melayu. Chalon2 hendak-lah juga dapat membacah dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan 380x20 - 480/EB/500x20 - 620 sa-bulan atau dalam tingkatan \$660x30 - 900 sa-bulan.

Tingkatan gaji yang di-pakai dan gaji permulaan akan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

JURUTRENGKAS INGGERIS.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah lulus Form III Ingggris sekurang2-nya, serta mempunyai kebolehan menulis trengkas selaju 80 perkataan satu minit dan menaip selaju 30 perkataan dalam satu minit.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai kebolehan menggunakan bahasa Melayu semasa bekerja. Gaji:

Dalam sukatan gaji \$380x20 - 480/EB/500x20 - 620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan:

Chalon2 yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan

yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 22 Ogos, 1966.

Kerani Tingkatan "A"

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 yang sedang berkhidmat di-dalam perkhidmatan Kerajaan untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Kerani Tingkat "A". Pemohon2 hendak-lah dalam jawatan tetap dan telah lulus Peperiksaan Kerani Rendah Tingkat "A".

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$210x10 - 270 - 285/EXAM/300x15 - 360/EB/380x20 - 560.

Pegawai2 yang ingin memohon hendak-lah menghantar permohonan2 mereka melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 tersebut bersama2 dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 6 Ogos, 1966.

Peon

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan: Pemohon2 mestilah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

Gaji: Dalam sukatan gaji F.1 - 2 - 3 EB 4 - 5 \$160x5 - 220/EB/225x5 - 240x10 - 270.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mestilah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 10 Ogos, 1966.

Kenyataan

Surat Kuasa Pesaka

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait telah di-perbuat oleh Norkayah binte Samsudin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Samsudin bin Puteh yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu, kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 8 Ogos, 1966 jam 9 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

DI-PEJABAT PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari mereka yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Pelajaran, Brunei:—

(a) GURU

Ada banyak jawatan kosong, kebanyakan-nya ia-lah di-

- (1) Darjah2 Rendah Atas di-Sekolah2 jenis Ingggris dan
- (2) Darjah2 Menengah Bawah di-Sekolah2 jenis Melayu.

Sukatan2 Gaji:

Guru Terlatih Biasa ("Normal Trained") atau Guru Latihan Maktab — \$440x20 - 660/EB/690x30 - 840.

Berkelulusan degree dan berpengalaman mengajar \$620x20 - 660x30 - 840/EB/870x30 - 990.

Honours degree dan berpengalaman mengajar — \$750x30 - 990/EB/1020x30 - 1200.

(b) PEGAWAI DERMA SISWA DAN KESEJAHTERAAN (satu jawatan kosong).

Chalon2 mesti-lah berbangsa Melayu serta berpengalaman dalam bidang pentadbiran pelajaran termasuk-lah peratoran2 yang berkaitan dengan menempatkan penuntut2 di-yayasan pelajaran seberang laut.

Kelulusan Ijazah dari sebuah University yang di-akui ada-lah di-ingini.

Sukatan Gaji:

\$930x30-1050/1080x30-1200.

(c) PEGAWAI PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN (satu jawatan kosong).

Chalon2 mesti-lah mempunyai Diploma dari Maktab Teknik, Kuala Lumpur atau

kelulusan yang sa-banding dengan-nya serta mempunyai pengalaman dalam bidang pengawasan dan menjaga bangunan2 sekolah selama sekurang2-nya lima tahun.

Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang berpengetahuan baik dalam bahasa Melayu.

Sukatan Gaji:

\$930x30-1050/1080x30-1200.

Sharat2 Lantekan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama.

Mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak bagi di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek kaja-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sechra berkontrek, baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mestilah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 22 Ogos, 1966.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3 Ogos hingga ka-hari Selasa 9 Ogos, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	3	12.30	3.48	6.40	7.51	4.43	4.58	6.16
	4	12.30	3.48	6.40	7.51	4.43	4.58	6.16
	5	12.30	3.48	6.40	7.51	4.43	4.58	6.16
	6	12.30	3.48	6.39	7.50	4.43	4.58	6.16
	7	12.30	3.48	6.39	7.50	4.43	4.58	6.16
	8	12.30	3.48	6.39	7.50	4.43	4.58	6.16
	9	12.30	3.48	6.39	7.50	4.43	4.58	6.16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

KURSUS PEMIMPIN BELIA DI-MALAYA MEMBERIKAN FAEDAH KAPADA BELIA2

BERAKAS. — Rombongan kedua wakil2 dari Persatuan2 Belia di-Negeri Brunei yang menghadiri Kursus Pemimpin Belia di-Malaya telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada 26 Julai, 1966.

Rombongan tersebut ada-lah mengandungi Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud dari Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH); Malai Mohamed bin Malai Othman dari Persatuan Belia Seria; Awang Omar bin Md. Yassin dari Persatuan Pakatan Putera-Putri Kampong Ayer (3PKA) dan Awang Moxsin bin Khatam dari Persatuan Pemuda Pemudi Lamunin.

Kursus Pemimpin Belia itu telah di-adakan di-Pusat Latihan Belia Kebangsaan, Peretak, Kuala Kubu Bharu, Negeri Selangor mulai pada 4 Julai hingga ka-23 Julai, 1966.

Dalam satu pertemuan dengan Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud sa-lepas rombongan tersebut selamat balek ka-Tanah Ayer dari Malaya, beliau berkata bahawa seramai 48 orang belia2 dari Malaysia dan Brunei telah menghadiri Kursus Pemimpin Belia itu.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadiri kursus itu ada-lah di-bawah anjoran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei dengan kerjasama Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.


Di-antara 48 orang wakil2 dari Persatuan2 Belia yang mengambil bahagian dalam kursus tersebut, 27 orang daripada-nya ia-lah pemuda2 dan 21 orang pemudi2.

Kursus itu di-bahagikan kapada 2 bahagian, ia-itu (a) Kursus Pimpinan di-hadiri oleh 21 orang pemuda-pemudi dan Kursus Tarian di-hadiri oleh 27 orang pemuda-pemudi.

Pengiran Tuah berkata lagi bahawa Kursus Pemimpin Belia itu telah dapat memberikan peluang kapada peserta2-nya mempelajari chara2 memimpin persatuan dalam hal ehwal yang bersangkutan paut dengan pentadbiran persatuan sa-chara mendalam.

"Kami juga telah di-ajar chara2 menari sa-chara pergaulan dan menyanyi serta menjalani latehan dalam hal permainan dan sokan", kata beliau.

Selanjut-nya Pengiran Tuah berkata bahawa para peserta sekalian telah di-berikan peluang juga untuk melawat ka-



beberapa tempat di-Kuala Lumpur seperti Universiti Malaya, Dewan Parlimen, Tugu Peringatan Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Maktab Perguruan Bahasa, Filem Negara, Kebun Binatang dan lain2-nya.

Maka dengan pengalaman yang di-perolehi itu, tegas Pengiran Tuah, wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadiri Kursus Pemimpin Belia tersebut akan berpeluang untuk menchurahkan segala2-nya itu untuk faedah belia2 dan persatuan2 di-seluruh Tanah Ayer.

Beliau berkata lagi bahawa semasa menghadiri Kursus Pemimpin Belia itu, beliau (ia-itu Pengiran Tuah) telah di-lantek menjadi Naib Pengerusi Kursus merangkap Ketua Seksi Mahsuri; Malai Mohamed bin Malai Othman telah di-lantek menjadi Ketua Pertolongan Chemas merangkap Ketua Seksi Hang Jebat dan Awang Moxsin bin Khatam pula telah di-lantek menjadi Ketua Khutub Khanah dan Kegiatan Luar.

Pengerusi Kursus tersebut ia-lah Inche Mahfiz Abdullah;

GAMBAR ATAS: Wakil2 dari Malaysia dan Brunei yang mengambil bahagian dalam Kursus Pemimpin Belia di-Selangor kali pertama tahun ini. **GAMBAR BAWAH:** Wakil2 rombongan kedua dari Malaysia dan Brunei yang hadir di-kursus tersebut baru2 ini.

Setia Usaha-nya Inche Sabri Asnawee dan Penulong Setia Usaha kursus itu ia-lah Inche Jofri Masri — semua-nya dari Negeri Johore. Di-antara 10 orang Ahli2 Jawatan Kuasa, termasuk-lah dua orang belia dari Negeri Brunei, ia-itu Malai Mohamed dan Awang Moxsin Khatam.

SOKAN DAN OLAH-RAGA

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan hoki antara Sekolah2 Rendah Melayu atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei yang telah di-jalankan pada minggu lalu ada-lah seperti berikut:—

Pada 25 Julai, 1966: Perlawanan suku akhir kumpulan laki2 antara Johan Belait, Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Seria berlawan dengan Johan Brunei II, Pasokan Sekolah Melayu S.U.A.S., Muara bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell Seria. Keputusan-nya Pasokan Johan Belait menang dengan 1 gol tidak berbalas.

Pada 26 Julai, 1966: Dua perlawanan Sa-tengah Akhir telah di-jalankan serempak ia-itu:—

(a) *Kumpulan Lelaki:* Antara Johan Tutong I, Pasokan Sekolah Melayu Kiudang berlawan dengan Johan Brunei I, Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. Keputusan-nya Johan Tutong I menang

dengan 4 gol tidak berbalas.

(b) *Kumpulan Perempuan:* Antara Johan Belait, Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria berlawan dengan Johan Brunei II, Pasokan Sekolah Melayu Sengkurong bertempat di-Padang Sekolah S.M.J.A. Keputusan-nya Johan Brunei II menang dengan 1 gol tidak berbalas.

Pada 28 Julai, 1966: Dua perlawanan suku akhir kumpulan perempuan telah di-jalankan serempak ia-itu:—

(a) Johan Tutong I, Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim berlawan dengan Johan Brunei I, Pasokan Sekolah Melayu SMJA, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. Keputusan-nya Johan Brunei I menang dengan 3 gol tidak berbalas.

(b) Johan Temburong, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan

Oleh Awang Md. Hussain Zainal

Bangar berlawan dengan Johan Tutong II, Pasokan Sekolah Melayu Abd. Rashid Tanjung Maya, bertempat di-Padang SMJA. Keputusan-nya Johan Tutong II menang dengan 1 gol tidak berbalas.

Pada 31 Julai, 1966: Perlawanan Peringkat Akhir Kumpulan Lelaki antara Johan Tutong I, Pasokan Sekolah Melayu Kiudang berlawan dengan Johan Belait. Pasokan Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell, Seria. Keputusan-nya Johan Belait menang dengan 1 gol tidak berbalas.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria telah menjadi Johan Perlawanan Hoki Antara Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri bagi tahun 1966, dan akan menjadi wakil Sekolah2 Rendah masuk ka-Perlawanan Peringkat Menengah. Yang menjadi Naib Johan ia-lah pasokan Sekolah Melayu Kiudang Tutong I.

HADIAH REBUTAN: Perisai Pengiran Haji Abd. Momin bin Pengiran Othman dan **HADIAH PERSA-ORANGAN** telah di-sampaikan oleh Awang Wong Siew Ming Nadzir Sekolah2 China kapada pasokan2 yang berjaya. Perisai Pengiran Haji Abd. Momin bin Pg. Othman: Tahun 1965 di-pegang oleh Johan Temburong, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar dan pada tahun 1966 di-pegang oleh Johan Belait.



Cheramah Doktor Simandjuntak Di-Maktab S.O.A.S.

BANDAR BRUNEI — Penge-tua, Sekolah Menengah Melayu Pertama Brunei (S.M.M.P.), Doktor Badu Simandjuntak telah memberikan satu Cheramah yang menarik perhatian, bertajuk "Mengapakah Pendidikan Menjadi Asas Terpenting Dalam Pembangunan Jiwa Yang Baru?" di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 31 Julai, 1966.

Majlis tersebut telah di-adakan di-bawah tajaan Seksi Bahath dan Sharahan Badan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan di-hadiri oleh ramai pelajar2 dari Sekolah Menengah Melayu Pertama, Maktab Perguruan Melayu Brunei, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Melayu Sultan Mohamad Jamalul Alam, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan lain2-nya.

Di-antara tetamu2 khas yang hadir di-majlis tersebut ia-lah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil; Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar serta beberapa orang Guru2 dari Sekolah2 Melayu dan Inggeris. Sa-lepas Doktor Simandjuntak

Mendapat Sambutan

memberikan cheramah beliau, ramai para hadirin telah mengemukakan berbagai2 so'alan. Doktor Simandjuntak telah menjawab semua-nya so'alan2 itu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil juga telah memberikan penerangan berkenaan dengan so'alan mengenai Bahasa yang di-kemukakan oleh sa-orang pelajar di-majlis tersebut.

CHENDERAMATA

Sa-baik sahaja Doktor Simandjuntak memberikan jawapan terhadap so'alan yang terakhir, penaja majlis tersebut telah menghadiahkan Chenderamata kepada Doktor Simandjuntak.

Chenderamata tersebut telah disampaikan oleh sa-orang Pelajar Puteri dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Doktor Simandjuntak telah mengucapkan berbilang2 terima kasih atas kesudian penaja majlis tersebut menghadiahkan Chenderamata yang beliau amat hargai itu.

Sa-belum Doktor Simandjuntak di-jemput bercheramah, Dayangku Hairani binte Pengiran Muda Kahar telah membacakan sa-buah Sajak hasil karya Adi Rumi, bertajuk "Nyanyian Pagi Anak Kalimantan".

Menghadhiri Persidangan Belia Di-Tokyo

BANDAR BRUNEI — Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei telah menerima jemputan dari Perhimpunan Belia Sa-Dunia (W.A.Y.) untuk menghantarkan perwakilan-nya menghadhiri persidangan Belia Seluruh Dunia di-Tokyo mulai pada 10 Ogos hingga ka-21 Ogos, 1966.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang akan menghadhiri persidangan tersebut ia-lah Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul

Aziz Umar sa-bagai Ketua Perwakilan, Awang Ahmad bin Kadi dan Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Abu Bakar.

Sementara itu, Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei akan mengadakan satu Seminar Belia untuk merundingkan berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan Pergerakan Belia bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei pada hari Juma'at 5 Ogos mulai pada jam 8 pagi hingga ka-sabelah petang hari itu.

Seramai kira2 50 orang ahli2 Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Tanjung Maya telah melawat ka-Pekan Bangar, Temburong sa-chara muhibbah pada hari Juma'at 29 Julai.

Gambar ramai ini di-ambil di-Tugu Peringatan Pekan Bangar. Duduk di-tengah ia-lah Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan. Semasa lawatan tersebut, pelawat2 itu telah mengadakan Perlawanan2 Bola Sepak, Sepak Raga Jaring dan Badminton sa-chara persahabatan dengan Pesokan2 Belia Temburong. Pada malam 29 Julai, pelawat2 tersebut telah mempersembahkan Aneka Warna di-Padang Pekan Bangar. Mereka telah balek ka-Tanjung Maya pada hari Sabtu 30 Julai.

Perlawanan Bola Sepak Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI — Jadual Perlawanan Bola Sepak anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan di-kekelolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling yang telah di-batalkan oleh beberapa sebab yang tertentu akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada tarikh2 yang berikut:

3 Ogos: Sumbiling "B" melawan Belia Berakas. Penjaga Tepi — Sungai Kedayan. 4 Ogos: Sumbiling "A" melawan Sengkurong. Penjaga Tepi — Sungai Kedayan. 5 Ogos: Sungai Kebun melawan Sukarela Tutong. Penjaga Tepi — Kubu. 6 Ogos: Sumbiling "B" melawan Sumbiling "A". Penjaga Tepi — Sultan Lama "A". 8 Ogos: Belia Berakas melawan Sengkurong. Penjaga Tepi — Sultan Lama "B". 9 Ogos: 3PKA melawan Sungai Kedayan. Penjaga Tepi — Sungai Kebun. 10 Ogos: Burong Pingai melawan Sukarela Tutong. Penjaga Tepi — Sultan Lama "B". 11 Ogos: Perkasa melawan Sengkurong. Penjaga Tepi 3PKA. 12 Ogos: Sultan Lama "A" melawan Sultan Lama "B". Penjaga Tepi — Sumbiling "B".

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

(Dari Muka 1)

Ketika majlis membahaskan rang undang2 bagi bayaran kepada pemegang2 jawatan yang tertentu perbahathan telah memakan masa yang agak panjang juga, sa-hingga majlis di-tangguhkan dari sidang tengah hari kelemarin.

Apabila persidangan di-sambung sa-mula sa-belah petang, perbahathan2 mengenai perkara itu maseh di-teruskan. Walau macham-mana pun, Dato Speaker Majlis telah menggunakan kebijaksanaan dengan mengadakan undi yang berkesudahan rang undang2 itu di-luluskan.

Keseluruhan persidangan petang kelemarin telah di-penuhi oleh perbahathan2 mengenai ketiga2 rang undang2 tersebut dan perbahathan sa-chara jawatankuasa telah dilakukan.

Suasana persidangan pada pagi kelemarin, sa-lain dari bacaan Do'a Selamat dan mengangkat sumpah ka-atas Yang Berhormat Awang Mohamed Taib bin Awang Besar kerana menggantikan tempat Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim. Setia Usaha Kerajaan, yang sedang berchuti, telah juga di-penuhi dengan soalan2 mulut.

Sa-banyak 58 soalan2 mulut telah di-kemukakan oleh ahli2 yang di-pilih yang kebanyakan-nya mengenai pelajaran, pertanian, penanaman2 modal di-negeri2 asing, penggunaan bahasa Melayu, Buroh dan kaki tangan kerajaan, dan kemajuan negara.

Persidangan telah di-tangguhkan pada petang kelemarin dan akan di-sambung sa-mula pada pukul 2-00 petang hari ini.

Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei telah mengadakan Lumba Lari Rentas Desa pada hari Sabtu 30 Julai, 1966. Gambar ini di-ambil sa-belum permulaan perlumbaan tersebut.

